

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB ARTHUR JOSEPH KURUP (PENSIANGAN)

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan untuk menaik taraf Pusat Kastam, Immigresen dan Kuarantin (CIQ) di daerah Pensiangan dan Pagalungan dengan sempadan Kalimantan, Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada ketika ini, hanya terdapat dua (2) pos kawalan sempadan iaitu di Pagalungan dan Pensiangan dan ianya bukan bertaraf CIQ. Ini kerana penggunaan di pos-pos kawalan tersebut adalah rendah pada masa ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Indonesia telah mengadakan perbincangan untuk mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk diwujudkan satu CIQ di antara sempadan Negeri Sabah dan Kalimantan Timur.

Manakala, bagi sebarang keperluan menaik taraf pos kawalan-pos kawalan sedia ada hanya akan ditentukan dari masa ke semasa sekiranya terdapat keperluan.